

# Kenyataan Sebut Harga Bil. 25/2026

Tarikh Iklan : 6 Julai 2026 (Isnin)

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Dan/Atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang beralamat di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor Dan Putrajaya Sahaja** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH SEBUTHARGA DIBUKA DAN SEBUTHARGA DITUTUP
2026/B149	<p>Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Peralatan Elektrik Voltan Rendah, Voltan Tinggi Dan Perkakasan Berkaitan Di Premis-Premis Serta Harta Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun</p> <p><b>Harga Dokumen: RM400.00</b></p>	<p><b>Bumiputera Berdaftar Dengan CIDB</b> yang Beralamat Di <b>Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja</b></p> <p>Gred : G4 Kategori : ME Pengkhususan : E04 Dan E05 Dan E11</p> <p><b>* Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan</b></p>	<p><b><u>Tarikh Taklimat Tapak</u></b> 13 Julai 2026 (Isnin)</p> <p><b><u>10.00 Pagi – 11.00 Pagi</u></b> Bilik Gerakan Tingkat 3, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur</p> <p><b><u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u></b> 30 Julai 2026 (Khamis)</p>
2026/B150 (ONLINE)	<p>Pengurusan Postur Keselamatan Bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Untuk Tempoh Dua Belas (12) Bulan</p> <p><b>Harga Dokumen: RM100.00</b></p>	<p><b>Bumiputera Berdaftar Dengan KKM</b> yang Beralamat Di <b>Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor Dan Putrajaya Sahaja</b></p> <p>Kod Bidang 210106 Dan 210107</p>	<p><b><u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u></b> 6 Julai 2026 (Isnin)</p> <p><b><u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u></b> 23 Julai 2026 (Khamis)</p>

1. Bagi pembelian dokumen sebutharga, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my). Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen sebutharga dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)
3. Berkuatkuasa serta-merta keperluan Sijil Pematuhan Cukai (**Tax Compliance Certificate – TCC**) yang **dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berstatus 'PATUH'**
4. Kebenaran Khas adalah **TIDAK DIBENARKAN** bagi Perolehan **2026/B149**
5. Dokumen Sebut Harga **2026/B149** boleh dibeli **secara 'Online'** di laman web **selepas Sesi Taklimat Tapak**.

6. Kehadiran ke Sesi Taklimat **2026/B149** adalah **DIWAJIBKAN**. **HANYA PENAMA DALAM SIJIL SAHAJA** yang dibenarkan hadir ke Sesi Taklimat dan hendaklah **Diwajibkan membawa salinan sijil** seperti berikut :-
- i. **Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh CIDB**
  - ii. **Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi**
  - iii. **Cop Syarikat (Rubber Stamp)**
  - iv. **Kad Pengenalan Penama Didalam Sijil**
7. Dokumen Tender **2026/B150 (ONLINE)** diiklankan **SECARA DALAM TALIAN** sepenuhnya. Dokumen tender **2026/B150 (ONLINE)** yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar **SECARA DALAM TALIAN** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup. Sebarang penghantaran secara manual, serahan dokumen fizikal atau tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali. Petender harus memastikan segala maklumat dan dokumen yang telah dimuatnaik adalah benar, sah dan tepat.
8. Dokumen tender **2026/B149** yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Sebutharga dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
9. Sekiranya petender tidak mendapat sebarang jawapan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh iklan ditutup maka tawaran dianggap tidak berjaya.
10. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
11. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (**[www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)**) dan laman sesawang eperolehan DBKL (**[eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)**).

**DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

**Tarikh Iklan : 6 Julai 2026 (Isnin)**

**Laman Sesawang : [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)**